Headline	e-Lencana tingkat mutu urus jemaah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	20,955
Page No	1,20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	628 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,695

TH PERKENAL E-LENCANA BANTU JEJAK JEMAAH MALAYSIA Ms.20

e-Lencana tingkat mutu urus jemaah

Sistem TH dalam peringkat percubaan babit 6,000 perintis

Tuan Asri Tuan Hussein
Makkah

Tabung Haji (TH) dalam proses melaksanakan satu lagi penambahbaikan dalam aspek pengurusan jemaah haji dengan memperkenalkan sistem e-Lencana pengenalan haji (e-Lencana).

Sistem itu kini dalam peringkat percubaan membabitkan 6,000 jemaah haji dari pusat penginapan Maktab 74 dan 75 di Makkah selaku kumpulan perintis.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abd Rahman, berkata jika program percubaan e-Lencana itu berjaya, pihaknya berharap dapat melaksanakannya kepada semua jemaah pada musim haji tahun depan.

Beliau berkata, inisiatif itu yang diusahakan dengan kerjasama anak syarikat TH, Theta Edge Berhad menggunakan aplikasi pengesan e-LPH di telefon pintar dengan teknologi *Low Emission Bluetooth*.

Kiraan kehadiran

"Sistem bertujuan mengesan pergerakan jemaah haji di pusat pemeriksaan tertentu bagi petugas kita membuat kiraan kehadiran mereka," katanya pada sidang media di pusat operasi TH di Hotel Abraj Al-Janadriyah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Rombongan Haji (Kebajikan), Nurrinanuwar Shamsuddin dan Timbalan Ketua Rombongan Haji (Perubatan), Dr Mohd Shaffari Marzuki.

Syed Saleh berkata, enam pusat pemeriksaan itu ialah di terminal ketibaan, ketika jemaah menaiki bas, sejurus tiba di hotel, pergerakan umrah pertama, pergerakan dari Makkah ke Arafah pada hari wukuf dan sebaik jemaah tiba di Arafah.

Beliau berkata, e-Lencana ini dilampirkan bersama tag pengenalan jemaah haji dan kehadiran jemaah haji boleh dikesan petugas TH melalui telefon bimbit dilengkapi aplikasi e-LPH.

"Aplikasi ini efektif dalam jarak 30 hingga 50 meter. Selepas jemaah dikesan, maklumat ringkas jemaah akan terpapar pada telefon bimbit petugas dan secara automatik juga direkodkan dalam sistem maklumat operasi TH," katanya.

Beliau berkata, selain mengesan pergerakan, e-Lencana itu juga dapat merekod kehadiran jemaah dalam siri ceramah dan taklimat dianjurkan TH.

Seorang jemaah meninggal

"Jika berlaku kecemasan, kita boleh kesan jumlah jemaah haji yang ada di tempat sepatutnya dan mencari mereka yang tiada di situ," katanya.

Katanya, sistem e-Lencana itu tidak mengesan atau merekod pergerakan peribadi jemaah untuk tujuan santai seperti membeli- belah dan sebagainya.

Sementara itu, seorang jemaah haji disahkan meninggal dunia setakat ini, manakala 37 sedang menerima rawatan lanjut di wad hospital dikelolakan TH dan hospital tempatan.

Syed Saleh Rahman berkata, jemaah yang meninggal dunia adalah wanita berusia 6 tahun dari Pahang.

"Jemaah itu meninggal dunia pada 22 Julai lalu di Madinah akibat pendarahan," katanya.

Katanya, daripada 37 jemaah dimasukkan ke wad pula, 30 berada di tiga pusat rawatan TH, empat di hospital tempatan di Makkah dan tiga lagi di hospital tempatan di Madinah.

E-LENCANA

- Peringkat percubaan, babitkan **6,000** jemaah haji dari **maktab 74** dan **75** di Makkah selaku kumpulan perintis.
- Diusahakan dengan kerjasama anak syarikat TH, **Theta Edge Berhad.**
- Menggunakan **aplikasi** pengesan **e-LPH** di telefon pintar dengan teknologi 'Low Emission Bluetooth.'
- Berupaya **mengesan pergerakan** jemaah haji di 'check point' atau pusat pemeriksaan tertentu.
- **6 'check point'** iaitu terminal ketibaan, ketika jemaah menaiki bas, sejurus tiba di hotel, pergerakan umrah pertama, pergerakan dari Makkah ke Arafah pada hari wukuf dan sebaik saja jemaah tiba di Arafah.
- Dilampir bersama **tag pengenalan** jemaah haji.
- Efektif dalam jarak **30** hingga **50 meter.**
- **Maklumat ringkas** jemaah akan terpapar pada telefon bimbit petugas dan secara automatik juga direkodkan dalam sistem maklumat operasi TH.
- Juga digunakan untuk **merekod kehadiran** jemaah dalam siri ceramah dan taklimat dianjurkan TH.
- **Tidak mengesan** atau merekod pergerakan peribadi jemaah untuk tujuan santai seperti membeli-belah.

GRAFIK BH

Powered by: isentia

Headline	e-Lencana tingkat mutu urus jemaah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	20,955
Page No	1,20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	628 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 64,695

Syed Saleh (kiri) bersama *Nurrinanuwar (kiri) dan Dr Mohd Shaffari menunjukkan tag e-Lencana pada sidang media di pusat operasi TH di Hotel Abraj Al-Janadriyah, di Makkah, semalam*

Powered by: isentia